

28/02/2001

PM saran kutip cukai bantu negara miskin

Norbakti Alias in Boao (Hainan)

BOAO (Hainan), Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan cukai dikutip daripada negara kaya untuk disalurkan kepada negara miskin oleh sebuah agensi antarabangsa di bawah pemerhatian Bangsa-bangsa Bersatu (UN).

Perdana Menteri berkata, masanya sudah tiba dunia mengenakan cukai ke atas negara kaya bagi memperoleh dana mencukupi untuk membiayai pembinaan infrastruktur di negara miskin yang kosnya terlalu tinggi.

"Asas nilai cukai boleh ditentukan selepas persetujuan diperolehi, begitu juga dengan agensi yang mengutip dan mentadbirkannya.

"Sudah tentu, agensi itu mestilah dipilih secara demokratik oleh PBB, begitu juga dengan kakitangan awam antarabangsa yang terpilih. Ia tidak akan dikuasai oleh mana-mana negara pun," katanya ketika menyampaikan ucapnama di Forum Boao Untuk Asia (BFA) hari ini.

Dr Mahathir berkata, apa yang beliau cadangkan itu hanya membabitkan kos kecil ke atas negara kaya tetapi faedahnya amat besar kepada negara miskin dan mungkin mampu memperkayakan lagi negara kaya.

"Tidak dapat dinafikan, cukai ke atas negara kaya boleh membantu menebarkan kekayaan kepada mereka yang miskin. Memandangkan sebahagian kekayaan itu hasil daripada eksploitasi sumber-sumber negara miskin, adalah adil mereka memulangkan sedikit pulangan kepada negara miskin berkenaan," katanya.

Sambil meminta Asia, yang kebanyakan negaranya miskin, mempertimbangkan idea itu, Dr Mahathir berkata, dengan suara yang bersatu, Asia boleh sekurang-kurangnya berbincang mengenai infrastruktur cukai antarabangsa itu sebelum bersama-sama mendesak penerimaannya oleh PBB.

Perdana Menteri berkata, masalah kemiskinan di negara miskin boleh diatasi menerusi program pembangunan infrastruktur antarabangsa yang dibiayai oleh hasil daripada cukai itu.

"Ini kerana negara terbabit memerlukan bantuan lain untuk mengatasi masalah berkenaan selepas bantuan asing serta pinjaman luar yang diambil masih gagal mengubah nasib mereka.

"Jika Malaysia boleh menerima globalisasi dan kewujudan tanpa sempadan, sudah tentu negara kaya juga sepatutnya menerima idea percukaian antarabangsa dalam usaha membantu dunia miskin," katanya.

Dr Mahathir diberikan penghormatan untuk membuat ucapnama di BFA pertama itu kerana beliau dianggap 'Suara Asia' berikutan kelantangannya menyuarakan pendapat, sesuai dengan hasrat forum itu menjadi saluran rantau ini menyuarakan pandangan mengenai isu berkaitan benua ini.

Perdana Menteri berkata, negara kaya telah menggesa negara miskin membuka ekonomi untuk mereka mengeksploitasi.

"Sudah tentu mereka boleh berhujah mengatakan kemasukan modal ke negara-negara miskin memberi manfaat kepada mereka. Saya tidak begitu pasti.

"Pengalaman Malaysia ialah modal boleh juga mengalir keluar dan jika ini berlaku berulang kali, ekonomi boleh runtuh. Dalam apa-apa kes jua, globalisasi dunia akan hanya memberi keuntungan kepada sikaya," katanya.

Beliau menegaskan, melalui program itu, negara miskin tidak akan mempunyai tanggungan hutang untuk dibayar ataupun mereka tidak mungkin menyalahgunakan dana mereka kerana projek infrastruktur akan diputuskan oleh agensi antarabangsa dengan dibantu pakar.

Katanya, asas penilaian boleh diusahakan dan dipersetujui bagi membolehkan agensi yang dicadangkan itu mengumpul dan memantau pendapatan,

sekali gus melaksanakan projek yang telah dipersetujui.

Berikutan pinjaman dan bantuan asing gagal, beliau berkata hanya program pembangunan infrastruktur antarabangsa menerusi percukaian antarabangsa dan hanya menjurus kepada membina infrastruktur yang diperlukan, boleh membantu mengatasi gejala kemiskinan.

DKatanya, dunia tidaklah sekaya seperti dilihat hari ini, tetapi adalah sesuatu tidak bermoral apabila dunia yang kaya mempunyai penduduk dan negara teramat miskin.

"Usaha serius mesti dilaksanakan bagi menghapus kemiskinan seluruh dunia dalam abad ke-21. Di Malaysia, tiada kemiskinan mutlak sementara kemiskinan secara relatifnya adalah minimal.

"Dunia global yang sebenarnya adalah dunia untuk bangsa, tidak patut membiarkan mereka yang kaya mengeksploitasi pembukaan sempadan tanpa menuntut pembayaran.

"Dunia untuk bangsa tidak akan memberi makna apa-apa jika yang kaya boleh membuat lebih banyak wang tetapi dikecualikan daripada cukai," kata beliau.

Contohnya, beliau berkata, jika satu hari dunia perlu berperang dengan planet yang lain, "tidakkah kita terfikir yang semua orang terbabit untuk melindungi dunia?"

"Jika semua orang, termasuklah yang miskin, berganding bahu, tidakkah mereka layak untuk mendapat sedikit kekayaan dalam dunia ini?" soal Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, BFA patut diberi tanggungjawab mengkaji globalisasi dan dunia tanpa sempadan, demokrasi dan hak-hak manusia, kawal selia yang baik, korupsi dan kroni dan semua idea baru yang mana rakyat Asia dijangka menerima dan mengamalkannya.

"Kita patut mengkajinya secara mendalam kerana ia bukan sempurna dan perlu diperbaiki lagi. Kita patut bersedia membetulkannya, menyesuainya, ataupun menolaknya jika kita rasa mereka tidak ada manfaat."

"Orang Asia mempunyai hak berfikir untuk diri sendiri dan tidak patut pasif kepada idea bukan Asia.

"Mereka mesti timbulkan idea mereka dengan keyakinan dan tanpa ragu-ragu. Setiap idea kita adalah sebagus atau setanding dengan idea lain. Idea ini mungkin bagus bukan saja untuk kita tetapi untuk dunia juga," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, Asia tidak sepatutnya menolak idea dan ideologi bukan Asia tetapi ia mesti ingat yang bukan Asia tidak selalunya sempurna.

"Terpulang kepada keegoan bagi sesiapa untuk mendakwa nilai-nilai mereka adalah nilai universal. Nilai-nilai Asia juga boleh jadi nilai universal. Kita mesti sahut cabaran itu dan buktikannya," tegas beliau.

Mengenai BFA, Dr Mahathir percaya forum itu memberi manfaat kepada Asia dan juga dunia menghadapi tahun yang mencabar pada abad ke-21 ini.

"Asia dan orang Asia mempunyai masa depan yang cerah pada abad ke-21 tetapi orang Asia tidak akan menguasai dunia. Abad ke-21 akan menjadi abad dunia. Tetapi Asia mesti memainkan peranan penting dalam mewujudkan abad dunia ini," katanya.

(END)